

# **Komuniti Pembelajaran Profesional Dan Efikasi Kendiri Menurut Islam Dan Barat**

## ***Professional Learning Community and Self-Efficacy According to Islam and The West***

MOHD IZWAN BIN JAMALUDIN<sup>\*1</sup>

### **ABSTRACT**

*Islamic education teachers who consistently practice a professional learning community and have self-efficacy able to provide a positive impact on teaching and learning. These elements are not only important, but also have a positive impact on community members. Therefore, this article will discuss some things related to the concept of professional learning community and the concept of self-efficacy from Islamic as well as Western perspectives. This research is a study of related literature (library research-based). In addition, analysis based on the writings of Western figures and Islamic figures based on the interpretation of the Qur'an related to the concept of professional learning community and self-efficacy will be explained. The term professional learning community refers to things related to creating a teamwork environment. Meanwhile, the term self-efficacy refers to an individual who has a strong confidence in his own abilities. The discussion on the concept of professional learning community and the concept of self-efficacy from Islamic and Western perspectives is aimed at ensuring that the education system in our country in particular is competitive and developed.*

**Keywords:** Professional learning community (PLC); Self -Efficacy; Islam and the West

### **PENGENALAN**

Perhatian dan penekanan pihak kerajaan terhadap pembangunan sektor pendidikan telah menjadikan Malaysia setanding dengan Singapura bagi rantau Asia Tenggara, malah turut menjadikan sistem pendidikan Malaysia lebih berdaya saing dengan Negara luar. Matlamat pendidikan telah diberi penekanan terhadap suasana persekitaran yang sejahtera dan mampu menwujudkan warga sekolah yang seimbang.

Di dalam aspek Komuniti pembelajaran profesional (PLC) dalam kalangan guru telah mencetuskan idea baharu di antara guru dan murid dalam kalangan warga. Menurut Hord (2012), komuniti pembelajaran profesional adalah bermaksud mengamalkan konsep pembudayaan dan perkembangan ilmu yang melibatkan warga sekolah serta dapat diterapkan dalam warga sekolah ianya pasti mampu menggalakkan

---

<sup>1</sup>**Mohd Izwan Jamaludin\*** (**Corresponding Author**) M.A. Teacher at the SK Sawah Sempadan, Jalan Nenas, Blok D1 Sawah Sempadan, 45500 Tanjung Karang, Selangor, MALAYSIA. Email: [izwan.masilah@gmail.com](mailto:izwan.masilah@gmail.com)

murid, guru, pentadbir dan ibu bapa terlibat secara langsung dalam pembelajaran murid bagi meningkatkan tahap pencapaian prestasi sekolah.

Manakala efikasi kendiri merujuk kepada proses kognitif yang berkaitan dengan keupayaan diri individu untuk bertingkah laku dan bertindak balas terhadap pengalaman yang dilalui dalam kehidupan. Efikasi kendiri menjelaskan kepada keupayaan diri untuk mempercayai dengan sepenuh hati yang dirujuk kepada konsep keimanan dalam Islam.

## **KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Komuniti pembelajaran profesional dalam Islam adalah merujuk kepada perkongsian ilmu. Sebagai manusia, ilmu boleh diperolehi dengan mempelajarinya dalam keadaan yang formal atau tidak formal. Pendidikan secara formal merujuk kepada satu sistem pendidikan yang telah dirancang oleh kerajaan yang mengandungi silibus kurikulum yang telah diselaraskan dengan teratur dan menyeluruh. Manakala pendidikan tidak formal merujuk kepada sistem pendidikan yang bukan disyorkan oleh pihak kerajaan dan memiliki silibus yang berbeza dan diurus oleh pihak selain kerajaan. Walaupun, sistem pendidikan berbeza, ianya masih lagi mampu memberi ilmu dan pastinya akan membentuk sifat ketaqwaan, dengan syarat ilmu tersebut terus diamalkan dalam kehidupan seharian. Sekiranya ilmu dikongsikan kepada masyarakat secara istiqamah maka ilmu tersebut dapat dikembangkan dengan memperolehi keredhaan Allah s.w.t. (Mohd Kamal Hassan 1988).

Kepentingan menuntut ilmu dalam Islam adalah dituntut pada setiap orang yang bergelar sebagai mukallaf. Pembahagian ilmu dalam Islam merujuk kepada ilmu yang wajib atas setiap Muslim dan ilmu yang hanya diwajibkan pada sebahagian masyarakat. Jika seseorang Muslim ingin mengetahui dan mempelajari sesuatu ilmu, maka hukum sunat telah menjadi wajib atasnya. Maka sebahagian yang lain, terlepas atas tuntutan wajib, kerana hukum telah berubah menjadi fardhu kifayah. (Wahbah al-Zuhayli 1991). Berdasarkan pernyataan tersebut, teori komuniti pembelajaran profesional merupakan sesuatu ilmu yang dituntut bagi setiap Muslim untuk mempelajarinya, terutama di dalam bidang perguruan dan pendidikan.

Selain itu juga, setiap Muslim diwajibkan menuntut ilmu hanya niat kerana Allah. Berdasarkan penjelasan Md Asham Ahamad (2000), nilai sesuatu ilmu itu akan menjadi baik dan mendatangkan manfaat, sekiranya diniatkan untuk mempelajarinya hanya kerana Allah s.w.t., malah berupaya memberikan manfaat kepada diri dan masyarakat. Sehubungan dengan itu, seseorang Muslim seharusnya tidak memisahkan ilmu agama dan ilmu selain agama sebagaimana ilmu yang berkaitan dengan teori komuniti pembelajaran profesional.

Menurut Nor Izzati Abdul Latif & Rahimah Embong (2018), menyatakan konsep komuniti pembelajaran profesional menuntut setiap Muslim berkerjasama dalam membudayakan ilmu pengetahuan. Konsep berkerjasama dalam melakukan tugasannya disebut juga sebagai ta’awun iaitu tolong-menolong terhadap perkara-perkara yang diredhai Allah s.w.t dan berusaha mengekang perkara kezaliman. Konsep ta’awun merupakan amalan mulia yang harus diamalkan terhadap sesama manusia. Berdasarkan

ayat al-quran menjelaskan supaya kita menjadikan sikap saling tolong-menolong dalam kehidupan sehari-hari. Firman Allah s.w.t di dalam al-Quran, surah al-maidah, 5: 2;

﴿ وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ لَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ وَأَنَّهُمْ أَنفُسُهُمْ أَشَدُّ عِصَمًا ۚ ﴾

﴿ الْعِقَابُ ۚ ﴾

Maksudnya:

Dan tolong-menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam perbuatan dosa dan permusuhan. Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat siksaan-Nya (Q.S Al-Maidah: 2).

Abdullah Basmeh (1985), mentafsirkan ayat al-Birr (kebaikan) adalah bermaksud sentiasa mengamalkan sikap bantu-membantu dalam mengerjakan perkara kebaikan dan melarang perkara kezaliman atau kejahatan dan wajib mentaati segala perintah Allah s.w.t. Ibn Kathir (t.th) menjelaskan segala perintah Allah s.w.t kepada umat Islam adalah bersifat tegas, dan suruhan supaya sentiasa mengamalkan sifat berkerjasama dalam perkara kebaikan. Manakala, menurut Sayyid Qutb (1988) tafsiran ayat merujuk kepada hubungan hati dan jiwa dengan penciptanya, malah menjelaskan kepada masyarakat bahawa segala perbuatan mesti berhubung kait dengan hati dan segala amalan akan ditimbang di akhirat kelak.

Wahbah al-Zuhayli (1991), pula menyatakan tafsiran ayat ini merujuk kepada tututan wajib ke atas setiap Muslim supaya mengamalkan sikap membantu untuk perkara kebaikan dan berkerjasama mengatasi perkara yang mungkar. Jika sesuatu perintah yang difardhukan oleh Allah s.w.t akan menyebabkan segala perbuatan ataupun sesuatu amalan untuk melakukannya atau meninggalkannya, yang terdiri perkara wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (1991), telah mendefenisikan istilah ta'awun adalah merujuk kepada segala amalan kebaikan sahaja.

## **EFIKASI KENDIRI DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Istilah efikasi kendiri menurut pandangan Islam adalah berkaitan dengan percaya terhadap keupayaan diri sendiri. Dari konsep disiplin ilmu Islam ia membawa maksud kepada keyakinan, kepercayaan, dan membenarkan segala kepercayaan tersebut di dalam hati yang disebut sebagai iman (Noorhajihan & Ab. Halim 2012). Efikasi kendiri boleh diertikan dengan “membenarkan keyakinan di dalam hati, mempercayai tanpa meraguinya dan mengiktirafnya dengan melaksanakan segala perkara yang telah diperintahkan berdasarkan hukum syarak” (Rushi 2004). Manakala istilah efikasi kendiri, menurut al-Ghazali (t.th.) adalah mengakui segala kepercayaan melalui hati, mengikrarkan kepercayaan tersebut dengan menggunakan lidah, dan membuktikan kepercayaan tersebut adalah mengamalkannya menggunakan anggota tubuh badan.

Guru yang memiliki keyakinan pada diri sendiri dapat menjalankan tugas dengan baik dan mampu memberi kesedaran kepada masyarakat tentang hubungan

kepada penciptanya (Razila & Mashita 2019). Kepercayaan dalam diri sendiri akan melahirkan keupayaan bertindak guru untuk memastikan sesuatu yang dilakukan berjaya atau gagal. Berdasarkan rukun Islam, segala amal soleh itu, bermula dengan tahap keimanan seseorang. Justeru itu, kesempurnaan iman dapat diukur berdasarkan amalan yang dilakukan oleh seseorang, kerana Allah s.w.t telah memerintahkan sesuatu tuntutan wajib ataupun haram melalui hukum syarak yang terkandung di dalam Al-Quran. Begitu juga, segala perbuatan yang ditunjukkan oleh guru adalah mempunyai kaitan dengan kepercayaan terhadap keupayaan dirinya untuk melakukannya. Dalam al-Quran, surah al-Baqarah, 2: 286 Allah s.w.t telah berfirman:

﴿لَا يَكِيفُ اللَّهُ تَفْسِيْا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا  
إِنَّ نَسِيْنَا أَوْ أَحْطَانَا رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْنَاهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا  
تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ وَأَعْفُ عَنَّا وَأَعْفِرْ لَنَا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ  
الْكُفَّارِ﴾

Maksudnya:

Allah s.w.t tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): “Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir”.

Segala ujian yang berlaku telah ditentukan Allah s.w.t sejak azali. Setiap makhluk di muka bumi pasti tidak terlepas dengan musibah atau ujian, kerana ia membuktikan tahap keimanan seseorang terhadap pencipta-Nya. Kepercayaan yang ada dalam diri seseorang, telah membentuk sifat berserah diri kepada Allah s.w.t dan percaya bahawa segala bebanan serta ujian yang diberikan oleh Allah s.w.t adalah berdasarkan kepada kemampuan individu tersebut. Justeru itu, seseorang guru yang memiliki tahap keyakinan diri yang tinggi akan melahirkan budaya kerja yang berkualiti dan cemerlang dari sudut intelek dan sahsiah diri serta bersemangat untuk menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sempurna (Rafidah 2011).

Sebagai seorang guru perlu sentiasa bermotivasi dan bersemangat bagi menjamin hasil kualiti semasa menjalankan tanggungjawab, disamping memperolehi ganjaran pahala. Jika seorang guru memiliki ilmu tetapi tidak beramal dengan ilmunya maka guru tersebut belum memiliki kesempurnaan imannya (al-Ghazali t.th.). Justeru itu dapat disimpulkan bahawa percaya pada kemampuan diri sendiri adalah membawa maksud yang sama dengan istilah efikasi kendiri.

## **PERSAMAAN PANDANGAN ISLAM DAN BARAT TERHADAP KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL**

Sifat semulajadi manusia minat untuk menerokai perkara baharu menyebabkan mereka berazam untuk mengetahui sesuatu perkara dengan menunjukkan reaksi terhadap persekitaran (Wlodkowski 2001). Manusia telah dijadikan oleh Allah s.w.t sebagai makhluk yang mempunyai keistimewaan yang sempurna dan tidak diberikan kepada makhluk lain, iaitu perasaan ingin tahu dan ini yang mendorong manusia untuk belajar tentang sesuatu. Hal ini terbukti, sejak kecil sehingga dewasa, manusia sentiasa memperolehi ilmu yang baharu dalam kehidupan hasil pengalaman yang dilalui dan pancaindera yang dimiliki oleh manusia.

### **a. Mengutamakan Niat dan Tujuan Yang Baik**

Islam dan Barat menggalakkan seseorang menuntut ilmu. Bagi merilasasikan hasrat dan matlamat tersebut, seseorang dituntut mencari ilmu secara formal maupun tidak formal. Maka usaha mencari ilmu telah menwujudkan kepada pembentukan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat. Malah, dalam komuniti pembelajaran profesional telah menggalakkan membudayakan ilmu. Dalam proses pembudayaan ilmu, menurut Md Asham Ahamad (2000) pula, bahawa semua ilmu akan membawa ke arah kebaikan, sekiranya dapat diamalkan dalam masyarakat. Ilmu yang baik dan bermanfaat pastinya akan mendekatkan diri seseorang kepada pencipta- Nya, malah memperolehi kejayaan didunia dan akhirat. Sehubungan dengan itu, umat Islam tidak seharusnya memisahkan ilmu agama dan ilmu selain agama. Muslim sejati akan menguasai ilmu agama dan ilmu ukhrawi akan melahirkan insan yang seimbang dari sudut jasmani dan rohani, sehingga mampu menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat (Ratna Roshida Abd Razak & Muhammad Hasrul Zakariah 2010). Jika, seseorang Muslim menuntut ilmu hanya menginginkan kedudukan dunia, maka kekuatan itu hanya sekadar dunia semata-mata dan tidak mendapat ganjaran di akhirat kelak.

Amalan komuniti pembelajaran profesional, perlu bersandarkan kepada niat untuk melakukan segala aktiviti. Justeru itu, konsep pendidikan di Barat turut meletakkan niat sebagai asas penting dalam tugasannya. Hal tersebut dinyatakan oleh Woolhouse (2003), melalui pendekatan emprisme iaitu memberi keutamaan menjalankan eksperimen dalam proses perkembangan ilmu pengetahuan. Dengan kata lain, menurut Simon Petrus L. Tjahjadi (2004) fakta perlu dibuktikan dengan hasil dapatan setelah melalui proses penyelidikan dan terbukti keesahanya. Sebagai contoh, masyarakat Ohio, Amerika Syarikat, telah membuat tuntutan saman terhadap sebuah sekolah menengah kerana telah meletakkan lambang keagamaan pada dinding sekolah (NorthlowaTiday.com 27 Jun 2013). Maka tidak pelik sekiranya, berlaku penentangan terhadap unsur agama, kerana niat asas mereka adalah ilmu pengetahuan dan berlaku pemisahan terhadap agama.

Islam telah meletakkan setiap penganjuran sesuatu aktiviti mesti dilaksanakan dengan niat tujuan yang baik. Berdasarkan pandangan Mohd Radzali Masrun (2004),

niat merupakan asas penting pada segala perbuatan, kerana niat dapat mengesahkan perbuatan yang dilakukan. Jika niat seseorang untuk mencari keredhaan Allah s.w.t, pasti akan dikurniakan segala perkara kebaikan untuk dirinya. Sebaliknya, jika niat seseorang adalah menginginkan dunia, maka dunia menjadi keutamaannya. Selaras dengan itu, sesebuah kejayaan dalam Islam adalah terletak sejauhmana hubungannya dengan Allah s.w.t, maka menjadi kewajipan umat Islam untuk melakukan sesuatu tugas dengan amanah dan berusaha menjalankannya. Sekiranya ditakdirkan bahawa mereka tidak berjaya setelah berusaha, mereka tetap memperolehi manfaat di akhirat kelak.

Ilmu merupakan perkara asas dalam kehidupan muslim. Tanpa ilmu manusia akan menjadi jahil dan tersesat dari kebenaran. Konsep ilmu dalam Islam, iaitu mengajak manusia kepada keimanan dan ketaqwaan, malah ianya dapat menghalang diri seseorang daripada terjerumus ke dalam kesesatan. Maka, wujud persamaan antara pandangan Islam dengan kenyataan daripada Dufour (2004), niat dan tujuan berkongsi amalan pengajaran amat penting untuk memupuk sikap kolaborasi dalam komuniti pembelajaran profesional kerana memiliki niat dan tujuan yang sama akan menghasilkan kejayaan bersama. Misalnya, status guru cemerlang (GC) berupaya berkongsi tentang amalan pengajaran dan pemudahcara (PdPc) yang terbaik dan berkesan kepada guru novis agar berkemahiran baru (McLaughlin & Talbert 2001).

Maka dapat disimpulkan bahawa amalan komuniti pembelajaran profesional mempunyai persamaan antara pandangan sarjana barat dan sarjana Islam dari sudut niat dan tujuan yang baik. Amalan kolaborasi yang menjadi keutamaan dalam Islam adalah berkaitan dengan niat dan tujuan baik iaitu memperolehi keredhaan dari Allah s.w.t. Manakala niat dan tujuan sarjana barat mengenai komuniti pembelajaran profesional adalah menjurus kepada niat dan tujuan yang baik. Maka dengan itu, jelas kedua-duanya mempunyai persamaan dari sudut niat dan tujuan yang baik.

### **b. Menyemai Sikap Berlapang Dada Dalam Organisasi**

Menyemai sikap berlapang dada sekiranya wujud perbezaan pandangan. Perbezaan pandangan kerap terjadi adalah kerana tahap ilmu yang dimiliki dalam kalangan masyarakat berbeza. Oleh kerana itu, sikap berlapang dada dalam berorganisasi wajar dipraktikkan khususnya dalam konsep komuniti pembelajaran profesional. Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid (1991) telah menyatakan bahawa, Baginda s.a.w menerima pandangan sahabat supaya pasukan ketenteraan Islam terlebih dahulu menguasai kawasan yang berhampiran dengan air, walaupun Baginda s.a.w merupakan ketua angkatan tentera Islam. Sikap berlapang dada yang ditunjukkan oleh Baginda s.a.w telah memberi manfaat kepada tentera Islam kerana sumber air amat penting dalam peperangan. Justeru itu, dalam konsep komuniti pembelajaran profesional, sikap berlapang dada menerima perbezaan pandangan dapat memupuk semangat bersatu hati demi kepentingan bersama.

Berdasarkan amalan komuniti pembelajaran profesional, wujud persamaan antara Islam dan Barat, kerana kedua-duanya bersetuju dengan menyatakan seluruh warga sekolah seharusnya memiliki dan berusaha mengamalkan sikap berlapang dada sekiranya wujud berbezaan pandangan dalam setiap keputusan yang telah ditetapkan. Kenyataan tersebut disokong Barth (1991) dan Fleming (2002) bahawa sesebuah kejayaan organisasi pendidikan terletak kepada tahap amalan komuniti pembelajaran profesional dalam ahli komuniti dan berkait rapat dengan sikap berlapang dada warga sekolah terhadap sesuatu keputusan. Sikap berlapang dada untuk menerima pandangan orang lain, turut melibatkan semua pihak termasuklah pentadbiran dan pengurusan, warga guru, semua murid, dan ibubapa dengan bertujuan memastikan pengurusan yang cekap dapat diterapkan dalam sesebuah komuniti sekolah dengan lebih berkesan sepertimana di dalam al-Quran, surah al-Hujurat, 49 :10;

﴿إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَجُوا فَأَصْبَلُوهُوا بَيْنَ أَخْوَيْهِمْ وَأَنْفَقُوا أَلَّا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ﴾

Maksudnya;

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Agama Islam menjelaskan umat Islam adalah bersaudara. Masyarakat Islam digalakkan membuat perbincangan demi kebaikan bersama dalam masyarakat dan juga negara, terutama dalam isu pendidikan. Maka selaras dengan itu, Islam menganjurkan amalan komuniti pembelajaran profesional perlu diamalkan dalam budaya kerja, khususnya guru, pentadbir dan juga seluruh warga sekolah. Islam menekankan kepentingan berlapang dada dalam sebarang keputusan yang diambil dalam sesuatu pekerjaan. Sebagai contohnya, ketika khalifah yang pertama dibaiah oleh para sahabat sebagai pemimpin, mereka sering mengingatkan diri sendiri dan meminta para sahabat menegurnya serta memberi pandangan dalam urusan negara. Malah mereka berkata, “*jika aku telah melakukan kezaliman, aku mohon semua sahabat menegurku, tetapi sekiranya aku telah berbuat kebaikan maka berilah sokongan terhadap diriku*”. Berkelakuan jujur merupakan sifat terpuji, manakala sikap penipu merupakan perbuatan yang buruk. (Syaikh Muhammad At-Tamimi 1998).

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan persamaan antara Barat dan Islam mengenai konsep komuniti pembelajaran profesional iaitu perlu ada niat yang baik iaitu memfokuskan pada ilmu pengetahuan dan memastikan sikap berlapang dada dalam melaksanakan tugas supaya kebaikan dapat disebarluaskan.

## **PERSAMAAN PANDANGAN BARAT DAN ISLAM TERHADAP EFKASI KENDIRI**

Barat dan Islam bersetuju dengan memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi menghasilkan tindakan yang mampu menghadapi risiko dan berkorban. Menurut Daud (2000) guru yang memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi mampu menghadapi risiko dan berkorban bagi memastikan tugas dapat diselesaikan dengan berjaya. Sekiranya guru tersebut berhadapan dengan kegagalan, penghinaan, dan kerugian ia tidak mampu melemahkan keyakinan dan semangatnya. Walaubagaimana pun semangat dan keyakinan pada diri sahaja tidak mencukupi, malah perkara yang paling utama untuk memastikan kejayaan dalam melaksanakan sesuatu tugas adalah berkaitan dengan tindakan dan strategi. Di dalam al-Quran, surah al- Taubah, 9:111 berfirman Allah s.w.t.:

﴿إِنَّ اللَّهَ أَشْرَكَ مِنْ الْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّهُمْ أَجْحَدُوا يُعَذَّلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدَ اللَّهُ عَلَيْهِ حَقًّا فِي الْتَّوْرَاةِ وَالْإِنجِيلِ وَالْقُرْآنِ﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah s.w.t. telah membeli dari orang-orang yang beriman akan jiwa mereka dan harta benda mereka dengan (balasan) bahawa mereka akan beroleh syurga, di sebabkan mereka berjuang pada jalan Allah s.w.t., maka (di antara) mereka ada yang membunuh dan terbunuh. (Itu telah menjadi) janji yang benar dari Allah di dalam Taurat, Injil dan Al Quran.

Langkah yang perlu diambil untuk memastikan tugas dapat terlaksana dengan sempurna dan berkesan adalah dengan berusaha bersungguh-sungguh (Sulaiman al-Kumayi, 2008). Sikap berusaha bersungguh-sungguh membuktikan guru memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi, dan menunjukkan pemikiran yang positif terhadap apa jua halangan dan rintangan yang dihadapi dalam melaksanakan tugas. Justeru itu Barat dan Islam mempunyai pandangan yang sama iaitu guru yang memiliki tahap efikasi kendiri yang tinggi, pasti mampu melaksanakan tugas dengan baik walaupun menghadapi cabaran yang besar. Allah s.w.t. berfirman di dalam surah al-Najm, 53:39;

﴿وَأَنَّ لَيْسَ لِلنَّاسِ إِلَّا مَا سَعَى﴾

Maksudnya:

Dan bahawa sesungguhnya tidak ada (balasan) bagi seseorang melainkan (balasan) apa yang diusahakannya.

Segala kesukaran dan kepayahan yang dilalui, pasti mudah jika Allah s.w.t mengizinkan. Sebagaimana dengan firman Allah s.w.t. dalam Quran, surah al-Insyirah, 94:5-6 yang berbunyi:

﴿فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا إِنَّ مَعَ الْأَعْسَرِ يُسْرًا﴾

Maksudnya:

Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaan mu bahawa) sesungguhnya tiap-tiap kesukaran ada disertai kemudahan. (sekali lagi ditegaskan); Sesungguhnya tiap-tiap kesukaran ada disertai kemudahan.

Barat mengakui bahawa efikasi kendiri yang tinggi menyebabkan guru sentiasa berfikiran positif dan berjaya dalam tugas mereka. Menurut Bandura (2003), guru yang memiliki sifat peribadi yang tinggi, mampu menghadapi tekanan dan tidak mudah mengalah. Namun, sebaliknya jika tahap efikasi kendiri seseorang guru rendah, maka akan menjadikan ia seorang yang mudah berputus asa serta tidak bersemangat untuk melakukan tugas yang sukar. Sikap mengandaikan sesuatu yang tidak pasti, berbanding dengan memberi perhatian terhadap cara dan kaedah yang terbaik dalam melakukan kerja dan tugas menunjukkan tahap efikasi kendiri yang rendah.

Percayaan dengan keupayaan diri sendiri dan berazam tinggi menjadikan seorang guru konsisten untuk melakukan sesuatu tugas. Konsisten terhadap tugas merupakan ciri-ciri yang dapat membezakan tahap efikasi kendiri seseorang guru. Bahkan inilah yang menyebabkan seseorang guru sentiasa berusaha bersungguh-sungguh serta tidak mudah berputus asa. Sikap yakin pada diri sendiri akan menjadikan seseorang guru bersemangat untuk berusaha bagi memastikan segala tugas yang diarahkan kepadanya dapat dilaksanakan dengan konsisten dan hasil yang berkualiti (Abdul Aziz Ismail 1985).

Jadual kerja yang telah ditetapkan akan menjadikan seseorang akan lebih bersedia dan melatih diri supaya patuh pada jadual yang ditentukan oleh pihak sekolah. (Abdul Aziz Ismail, 1998). Guru yang tinggi tahap efikasi kendiri sentiasa mementingkan hasil yang berkualiti untuk dikongsikan kepada murid. Segala perancangan akan disusun dengan bersistem dan akan melaksanakan mengikut seperti yang telah ditetapkan. Maka dapat difahami bahawa, menetapkan jadual kerja, dapat memastikan guru dapat mengatasi sikap bertangguh dalam melaksanakan arahan yang diberi. Maka, sikap bertanggungjawab pada ketetapan jadual kerja sangat penting supaya segala yang disusun dapat disempurnakan dengan bersistem dan berkualiti. Berdasarkan al- Quran, surah al- ‘Asr 103:1-3 bahawa Allah s.w.t berfirman;

﴿وَالْعَصْرِ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنِ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا بِالصَّابَرِ﴾

Maksudnya:

“Demi masa. Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran”.

Barat turut mengakui, efikasi kendiri yang tinggi membolehkan seorang guru mendorong untuk memberi pengaruh positif kepada murid dan membentuk semangat pada diri sendiri (Khoo & Tan 2004). Justeru itu guru yang memiliki efikasi kendiri yang tinggi akan menggunakan pelbagai usaha dan memaksimumkan kebolehan potensi diri yang ada untuk memastikan kejayaan dapat dicapai dengan sempurna secara konsisten. Malah guru tersebut turut memiliki sikap komitmen yang baik pada tugas sehingga tercapai dan menghasilkan kejayaan (Dacey & Kenny 1997).

## KESIMPULAN

Perbincangan dalam artikel ini telah menjelaskan tentang konsep komuniti pembelajaran profesional dan konsep efikasi kendiri dari sudut pandangan Islam dan Barat. Justeru itu, jelaslah bahawa konsep komuniti pembelajaran profesional dan konsep efikasi kendiri sememangnya telah lama ada diajar, bahkan merangkumi keseluruhan kehidupan Islam yang berkaitan dengan konsep kepercayaan kepada tuhan iaitu uluhiyyah dan rububiyyah. Sebaliknya Barat hanya berdasarkan kepada logik akal dan juga pembuktian secara empirikal dengan mengetepikan hubungan kepada pencipta. Namun begitu terdapat ciri-ciri persamaan antara kedua-dua teori ini. Justeru itu, Kefahaman guru terhadap konsep komuniti pembelajaran profesional dan efikasi kendiri amat penting, sebelum mengaplikasikannya dan diharap dapat menarik minat murid terhadap guru ketika melakukan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kerana matlamat komuniti pembelajaran profesional menjadikan pembudayaan ilmu dalam seluruh warga komuniti

## RUJUKAN

- Abdullah Basmeh. 1985. *Tafsir Pimpinan Al- Rahman*. Kuala Lumpur: JAKIM
- Abdul Aziz Ismail. 1985. *Membina Minda Dan Peribadi Muslim*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher
- Abdul Aziz Ismail. 1998. *Menyemai Keyakinan Diri untuk Berjaya*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Barth, R.S. 1990. *Improving Schools from Within*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Bandura, A. 2003. *Self-efficacy: The Exercise of Control*. New York: Freeman and Company
- Daud, R. 2000. *Islam dalam Berbagai Dimensi*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Dacey, J. & Kenny, M. 1997. *Adolescent Development*. Edisi ke-2. Dubuque: Brown and Benchmark Publisher.

- DuFour, R. 2004. What is a professional learning community? *Journal of Educational Leadership* 61(8): 6-11.
- Fleming, G.L. 2002. Principal and Teachers: Continuous Learners. *Issue About Change*. 7(2): 1-9.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. t.th. *Ihya' Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Masyad.
- Hord, S.M. 2012. *Professional Learning Communities: Communities of Continuous Inquiry and Improvement*. Texas: Southwest Educational.
- Ibn Kathir, Ismail Umar. t.th. *al-Bidayah wa al-Nihayah*. Beirut: Maktabah al-Maarif.
- Khoo, A. & Stuarat, T. 2004. *Master Your Mind Design Your Destiny*. Singapore: Adam Khoo Learning Publisher
- Laughlin, Mc. & Talbert, J. 2001. *Professional Communities and the Work of High School Teaching*. Chicago: The University of Chicago Press.
- Md. Asham Ahamad. 2000. *Kedudukan Agama Dalam Masyarakat Sivil: Satu Tinjauan Sejarah*, Kuala Lumpur: ISTAC.
- Mohd Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan Pembangunan: Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Mohd Radzali Masrun. 2004. *Kebangkitan Islam: Gambaran dan Sejarah Dalam Tamadun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi. 1991. *Tafsir Al-Sya'rawi*. Mesir: Penerbit Akhbar al-Yawm.
- Nor Izzati Abdul Latif & Rahimah Embong. 2018. Konsep amalan komuniti pembelajaran profesional. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam 2018*, hlm. 463-467.
- Noornajihan Jaafar & Halim Tamuri. 2012. Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi: Satu Keperluan dalam Mendepani Remaja Islam Abad-21. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*, hlm. 239-288.
- NorthIowaTiday.com. 2013. <http://northiowatoday.com/2013/02/09/ohio-school-board-sued-over-jesus-picture/> [28 Mei 2023].
- Ratna Roshida Abd Razak & Muhammad Hasrul Zakariah. 2010. Islam Hadhari: Apa dan kenapa. *Jurnal Hadhari* 3: 1-2.
- Rafidah Mohd Salleh. 2011. *Model Guru Contoh Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Razila Kasmin & Mashita Abu Hassan, 2019. Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research* 1(4): 1-23.
- Ruhi, B. 2004. *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-'Ilm li Maliyin.
- Sayyid Qutb. 1988. *Tafsir Fi Zilalil-Qu'r'an (Di Bawah Lindungan al-Qur'an)*. Kelantan: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.
- Syaikh Bakr Abdillah Abu Zaid. 1991. *Hilyah Tholibil Ilmi*. Riyadh: Daar Ats-Tsurayya.
- Syaikh Muhammad At-Tamimi. 1998. *Hasyiyah Ushul Ats Tsalatsah*. Arab Saudi: Kementerian Urusan Islam, Waqf, Da'wah dan Penyuluhan Urusan Penerbitan & Penyebaran Saudi Arabia.
- Simon Petrus, L.T. 2004. *Petualangan Intelektual*. Yogyakarta: Kanisius College.
- Sulaiman, A. 2008. *Kecerdasan Berasaskan Asma al-Husna*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wlodkowski, J.R. 2001. Developing Motivation for Lifelong Learning. *The Learning Revolution* 5: 40-45.

Woolhouse, R.S. Locke, Nicholas Bunnin & E.P. Tsui-James. 2003. *The Blackwell Companion to Philosophy Second Edition*. Malden: Blackwell Publishing.  
al-Zuhayliy, Wahbah Mustafa. 1991. *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Adidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj* Jid 3. Beirut: Dar al- Fikr al-Mu'asir.